

**MY SaveFood**  
@Bazar Ramadan  
Hargai Makanan, Elak Pembaziran

**PARA** sukarelawan bergambar kenangan semasa menyertai program MYSaveFood@Bazar Ramadan anjuran GEMA dan UPMKB, baru-baru ini.



# MYSaveFood selamat 1,199 kg lebih makanan, minuman

**BINTULU:** Sebanyak 1,199.68 kilogram (kg) lebih makanan dan minuman yang tidak terjual di sebuah bazar Ramadan di sini sepanjang tempoh tujuh hari beroperasi berjaya diselamatkan menerusi program kesukarelawanan MYSaveFood@Bazar Ramadan anjuran Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (GEMA) bersama Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, program yang disertai 35 sukarelawan terdiri daripada kalangan mahasiswa-mahasiswi UPMKB itu merupakan inisiatif yang telah dimulakan di Bazar Ramadan Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 2016.

"Kini sebanyak 72 bazar Ram-

adan di seluruh Malaysia terlibat dalam penganjuran program MYSaveFood@Bazar Ramadan pada tahun ini.

"Di Bintulu pula, bazar pertama adalah bazar Ramadan berhadapan Restoran Dinner World yang telah beroperasi pada 19 hingga 25 Mac lalu," kata kenyataan itu.

Sementara itu, penyelaras sukarelawan Nurul Syahmah Matsah berkata penganjuran program seumpama adalah bagi mengurangkan pembaziran makanan dan minuman pada Ramadan dengan menyalurkan lebih makanan dan minuman yang tidak terjual kepada golongan yang memerlukan.

"Kaedah pelaksanaan program ini adalah menimbang terlebih

dahulu makanan dan minuman yang diserahkan oleh para peniaga bazar untuk direkodkan.

"Seterusnya, setiap bungkusan makanan dan minuman akan diletakkan pelekat peringatan untuk dimakan atau diminum dalam tempoh dua jam selepas diterima," jelas Nurul.

Ujarnya, makanan dan minuman tersebut bukan sahaja diagihkan kepada golongan yang memerlukan, malah juga diserahkan kepada para pelajar UPMKB.

"Program MYSaveFood@Bazar Ramadan ini mendapat sambutan yang baik daripada para peniaga bazar Ramadan dan sukarelawan UPMKB dengan ia akan dijadikan sebagai program tahunan pada Ramadan," katanya.